

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
24 FEBRUARI 2017**

---

**1. PENGIKTIRAFAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

MPSP telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam bersama YAB Ketua Menteri Pulau Pinang yang diadakan pada 6 Februari 2017. MPSP telah diberi insentif sebanyak RM 45,000.00 di atas pencapaian seperti berikut:-

- a) Anugerah daripada Kementerian kesejahteraan Bandar, Perumahan dan kerajaan Tempatan (KPKT) seperti berikut:
  - i. Anugerah Khas Menteri untuk Pencapaian Keseluruhan Terbaik Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranran Hijau.

ii. **Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiraninan Hijau 2016** bagi kategori Majlis Perbandaran untuk dua (2) inisiatif iaitu Penyediaan Laluan Pejalan Kaki dan Program Pengkomposan Sisa.

iii. **Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016** dimana MPSP tersenarai dalam lapan (8) PBT terbaik untuk anugerah tersebut.

- b) ‘**The Malaysia Book Of Records**’ (MBR) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Pertama yang menerima Enam (6) Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti pada tahun 2016 iaitu:
- i. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS)
  - ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS)
  - iii. Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
  - iv. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS)

v. Sistem Pengurusan Persekutuan Berkualiti 5S  
(QEMS)

vi. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC  
27001:2013 (ISMS)

c) **"Global Human Settlements Outstanding Contribution Award"** oleh The United Nations Conference On Housing And Sustainable Urban Development & The 11th Global Forum On Human Settlements di atas segala usaha-usaha dan kesungguhan MPSP dalam menjadikan Seberang Perai sebuah bandar mampan.

## **2. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU 2017**

Sukacitanya di sini saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu 2017 yang bermula pada 1 Disember 2016 akan tamat pada 28 Februari 2017. Pembayar cukai taksiran yang masih belum membuat bayaran dan ingin menyertai cabutan bertuah boleh membuat bayaran dengan segera di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa,

Butterworth dan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790 / 891** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

### **3. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 MAC 2017**

Dimaklumkan bahawa, 28 Februari 2017 (Selasa) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2017. Mulai 1 Mac 2017, Notis E Taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang masih belum menjelaskan cukai taksiran, hendaklah membuat bayaran dengan **SEGERA** di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan

MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

#### **4. GARIS PANDUAN LESEN HIBURAN AWAM MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

Untuk Makluman, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menyediakan satu garis panduan khusus berkaitan aktiviti hiburan yang dikenali sebagai Garis Panduan Lesen Hiburan Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai. Garis panduan tersebut adalah bertujuan untuk membantu pengusaha serta pengajur aktiviti hiburan memahami serta mematuhi semua kehendak-kehendak yang diperlukan berkaitan permohonan lesen untuk aktiviti hiburan di Seberang Perai.

Majlis mengalu-alukan pengusaha dan pengajur aktiviti hiburan di Seberang Perai untuk mendapatkan garis panduan berkenaan melalui laman sesawang MPSP di [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my). Di samping

itu, garis panduan juga boleh didapati di Jabatan Pelesenan, Tingkat 1, Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MPSP di talian no. 04-5497679 / 04-5497682.

## **5. KEMPEN *EARTH HOUR* 2017**

Dimaklumkan bahawa *Earth Hour* 2017 akan diadakan pada 25 Mac 2017 (Sabtu). Semua pemilik kediaman, pejabat dan premis perniagaan dikehendaki untuk mematikan lampu dan peralatan elektrik yang tidak digunakan selama satu jam, sebagai usaha untuk menjimatkan tenaga di seluruh dunia. Sehubungan itu, kerjasama tuan / puan untuk memadamkan lampu - lampu *exterior* (luar bangunan ataupun lampu perhiasan) dan bukannya menutup lampu keseluruhan bangunan (*blackout*) sepenuhnya di premis masing-masing pada 25 Mac 2017 (Sabtu) mulai jam 8:30 malam hingga 9:30 malam. Pihak tuan / puan juga adalah dipohon untuk mengambil langkah-langkah keselamatan bagi memastikan keselamatan awam di kawasan bangunan tuan / puan semasa

pemadaman lampu dilakukan. Kerjasama yang diberikan di dalam menjayakan program ini didahului dengan ucapan terima kasih.

## **6. PROGRAM-PROGRAM CLEANER, GREENER, SAFER, HEALTHIER & HAPPIER SEBERANG PERAI**

- a. **Program Membaikpulih Laluan Bukit Juru** akan diadakan pada 25 Februari 2017 bertempat di Bagan Nyior. Program ini ditaja oleh IOI Oleo Chemical Perai. Laluan Juru ini akan dibersihkan dan pondok rehat juga akan dinaiktaraf dengan kerja-kerja pemberian dan mengelak.
- b. **Majlis Pelancaran Kitar Semula Taman Semilang** akan diadakan pada 26 Februari 2017 di Dewan JKKK Taman Semilang. Satu taklimat tentang kitar semula akan diberikan kepada semua penduduk kampung dengan harapan adalah penduduk dapat meningkatkan kesedaran tentang kitar semula dan melaksanakan di kawasan mereka.
- c. Program ***My Best Buy*** akan diadakan pada 28 Februari 2017 (Selasa) di Jalan Loader, Butterworth. Program ini

merupakan program jualan produk-produk pertanian dari ladang dan jualan barang keperluan harian dengan harga yang murah dan berpatutan. Terdapat juga jualan makanan dan minuman melalui *food truck*. *My Best Buy* bulan Februari 2017 turut menyediakan pemeriksaan pergigian secara percuma kepada pengunjung. Program ini merupakan anjuran bersama oleh MPSP, Think City, FAMA, Jabatan Pertanian, MARA dan Jabatan Kesihatan. Semua adalah dijemput hadir untuk memeriahkan program ini.

- d. ***Karnival Jualan Barang Up-Cycle*** akan diadakan di Auto City Juru pada 4 Mac 2017. Karnival akan diadakan dari jam 6 petang - 9 malam. Karnival untuk membantu mempromosikan produk-produk *up-cycle*, *recycle*, sayur kompos yang dihasilkan komuniti Seberang Perai. Program ini akan diadakan pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan. Penajaan lokasi dan kemudahan meja, khemah adalah oleh Auto City Juru. Semua adalah dijemput hadir untuk memeriahkan program ini.
- e. Sukacita dimaklumkan bahawa Program **MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning***

**@ Seberang Perai)** akan diadakan untuk kali ke-22 pada 5 Mac 2017 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah senamrobik, persembahan kombo MPSP, gerai jualan, *massage knife*, kaunter bayaran bergerak, jualan e-Waste dan banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

- f. ***Butterworth Discovery Walk 2.0*** akan diadakan pada 11 Mac 2017. Yuran penyertaan adalah RM 10.00. Tempat pelepasan bagi program ini adalah di Tow Boo Kong, Jalan Raja Uda. Penyertaan adalah terhad kepada 80 orang sahaja. Pendaftaran boleh dibuat dengan berhubung dengan Puan Norsuhaibah Hanbal, Unit Butterworth Baharu MPSP di talian 04-5497807.

g. **Free Market 2.0 Tahun 2017** akan diadakan pada 18 Mac 2017 di Sekolah Kebangsaan Lebai Tahir, Bagan. Program ini merupakan satu program berbentuk kebajikan yang mana barang-barangan, makanan atau minuman boleh didapati secara percuma. Program ini bermula 9.00 pagi hingga 11.00 pagi. Semua adalah dijemput hadir untuk memeriahkan program ini.

h. **Latihan Pemantuan Kualiti Air Sungai** di Hutan Lipur Cherok To Kun akan diadakan pada 18 Mac 2017 bersama dengan pelajar SMK Taman Pewira. Ia merupakan dengan kerjasama Water Watch Penang, Universiti Sains Malaysia. Pelajar-pelajar diajar untuk menilai kualiti air, mereka juga akan diajar bagaimana menjaga air supaya tidak dicemari. Pemahaman mereka dari bengkel ini akan dinilai dengan mengadakan pertandingan kuiz sekitar pada bulan Oktober 2017.

i. **Majlis Pelancaran Kitar Semula Kampung Pertama** akan diadakan pada 19 Mac 2017 bertempat di Dewan JKKK Kampung Pertama. Pada hari tersebut, satu taklimat tentang

kitar semula akan diberikan kepada semua penduduk kampung. Harapan adalah penduduk dapat meningkatkan kesedaran tentang kitar semula dan melaksanakan di kawasan mereka.

- j. Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu **Senamrobik Bersama MPSP** akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 5 Mac 2017 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan akan diadakan pada 19 Mac 2017 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 26 Mac 2017 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**